

KHUTBAH JUMAAT

“MENJADI INSAN YANG LEBIH BAIK”
(13 Januari 2023M / 20 Jamadilakhir 1444H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا، وَقَضَىٰ بِمَا يُرِيدُ حِكْمَةً
وَحُكْمًا، أَنْعَمَ بِالنِّعَمِ ابْتِلَاءً وَامْتِحَانًا. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ أَفْضَلُ الْأَنْبِيَاءِ وَمِصْبَاحِ الظَّلَامِ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللَّهَ حَيْثُ مَا كُنْتُمْ، فَإِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ
سِرِّكُمْ وَعَلَانِيَتَكُمْ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,


Marilah kita bersama-sama bertaqwa kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan sebenar-benar takwa serta melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keberkatan hidup di dunia dan di akhirat. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang lagha (sia-sia) seperti berbual-bual atau menggunakan telefon. Pada hari ini khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk: "**Menjadi Insan Yang Lebih Baik**".

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Setiap apa yang kita lakukan ketika hidup di dunia ini ada hubung

kaitnya dengan kehidupan kita di akhirat kelak. Kita tidak dapat lari dari perbicaraan dan pertanggungjawaban atas setiap ucapan dan tindakan yang telah dilakukan di dunia ini. Oleh sebab itu, kita mesti sentiasa berusaha untuk memperbaiki diri ke arah yang lebih baik dari sehari ke sehari. Perintah Allah *subhanahu wata'ala* juga mengingatkan kita agar mempersiapkan diri menghadapi masa depan sama ada masa di depan di dunia dan lebih-lebih lagi hidup di akhirat nanti. Allah *subhanahu wata'ala* berfirman dalam Surah al-Israa', ayat 36:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا



Maksudnya: *Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.*

Dalam merenungi diri, khatib teringat satu ungkapan hikmah yang diungkapkan oleh Saidina Umar bin al-Khattab yang berbunyi;

"حَاسِبُوا أَنْفُسَكُمْ قَبْلَ أَنْ تُحَاسَبُوا، وَتَزَيِّنُوا لِلْعَرْضِ الْأَكْبَرِ وَإِنَّمَا يَخِيفُ الْحِسَابُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى مَنْ حَاسَبَ نَفْسَهُ فِي الدُّنْيَا"

Maksudnya: *Hisablah diri (muhasabahlah) kamu sebelum kamu dihisab (di akhirat kelak), dan berhias dirilah kamu untuk menghadapi penyingkapan yang besar (hisab). Sesungguhnya*

hisab pada hari kiamat akan menjadi ringan hanya bagi orang yang selalu bermuhasabah dirinya ketika hidup di dunia.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Untuk menjadi seorang yang lebih baik, secara ringkasnya ada beberapa tindakan yang perlu diambil dari masa ke masa, antaranya:

Pertama: Perlu menanamkan niat untuk menjadi seseorang yang lebih baik semata-mata kerana Allah *subhanahu wata'ala*. Dalam Islam, niat memainkan peranan yang sangat penting sebagai pangkal kepada setiap perbuatan. Ia akan bertindak sebagai pengikat kepada setiap tindakan kita. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* juga pernah menyatakan dalam hadisnya bahawa setiap perbuatan itu bergantung niatnya.

Kedua: Perlu bertaubat dengan sebenar-benarnya iaitu taubat nasuha. Setiap manusia tidak terlepas dari melakukan kesalahan. Namun, tindakan yang perlu diambil ialah dengan bertaubat iaitu meninggalkan kesalahan tersebut dan memohon keampunan kepada Allah *subhanahu wata'ala*, menyesalinya serta berazam untuk tidak kembali kepada kemaksiatan itu. Bertaubatlah walau sebesar mana dosa kita sekalipun kerana selagi kita masih bernyawa, kita diberi peluang untuk bertaubat dan membersihkan diri dari noda dosa.

Ketiga: Perlu memilih teman dan sahabat yang terbaik. Sama ada sedar atau tidak, kehidupan kita sedikit sebanyak dipengaruhi oleh

orang yang berada di sekeliling kita. Oleh sebab itu, sangat penting bagi kita memilih kawan yang baik. Peringatan ini juga telah diungkapkan oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Abu Musa al-Asy'ari *radiallahu anhu* yang bermaksud:

((Perumpamaan seorang individu yang baik (yang duduk bersama dengan kita) dan juga individu yang buruk adalah seperti penjual minyak wangi dan juga tukang besi. Duduk bersama penjual minyak wangi sama ada kamu akan membelinya atau kamu dapat menikmati bauan wanginya. Manakala duduk bersama tukang besi pula sama ada menyebabkan terpercik api ke badan atau baju kamu, atau kamu mendapati bauan yang busuk darinya)).

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Imam Ibnu Hajar al-Asqalani *rahimahullah* mengulas bahawa hadis tadi menganjurkan supaya kita duduk bersama dengan orang yang memberi manfaat sama ada dalam urusan agama dan juga urusan dunia.

Keempat: Kita hendaklah berazam untuk memperbanyakkan melakukan kebaikan. Kita giatkan usaha untuk menambah amalan, menjauhi dosa dan kemungkaran serta tidak menanggungkannya. Apabila kita telah memasang niat yang benar kerana Allah *subhanahu wata'ala*, kita bertaubat, dan berada dalam persekitaran dan sahabat-sahabat yang baik, insya-Allah ia akan meningkatkan dorongan motivasi untuk melakukan kebaikan dan menjadi Muslim

yang lebih baik. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Taubah, ayat 105:

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ
الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

Maksudnya: *Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.*

Kaum muslimin yang berbahagia,

Sebagai rumusan bagi khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati beberapa perkara berikut, antaranya :

Pertama : Setiap perbuatan yang kita lakukan ketika hidup di dunia ini ada hubungkaitnya dengan kehidupan di akhirat kelak. Semuanya tidak akan terlepas dari perbicaraan dan pertanggungjawaban di hadapan Allah *subhanahu wata'ala*.

Kedua : Apabila kita telah memasang niat yang benar kerana Allah *subhanahu wata'ala*, bertaubat dengan taubat nasuha, serta berada dalam persekitaran dan sahabat-sahabat yang baik, insya-Allah ia akan meningkatkan dorongan motivasi untuk melakukan kebaikan dan menjadi individu yang lebih baik.

Ketiga : Berusahalah meningkatkan amalan dan menjauhi segala bentuk dosa dan kemungkarannya. Dalam masa-masa mendatang ini, pasti cabarannya akan lebih besar dan lebih menguji keimanan. Maka mantapkan ilmu dan iman serta berlumba-lumbalah melakukan kebaikan dan janganlah bertangguh-tangguh lagi. Semoga kita semua sentiasa berada dalam bimbingan dan petunjuk Allah *subhanahu wata'ala* sentiasa dan menjadi hamba-Nya yang soleh dan diredhai.

Mengakhiri khutbah pada minggu ini marilah sama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Ahzaab, ayat 70-71:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٧٠﴾ يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ
وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾

Maksud : Wahai orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat - benar (dalam segala perkara). Supaya Ia memberi taufiq dengan menjayakan amal-amal kamu, dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Pada musim tengkujuh ini, mimbar menyeru agar kita sentiasa berwaspada dan mengikuti nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa dari masa ke masa sama ada yang berkaitan dengan kemungkinan banjir mahupun keadaan perairan untuk apa sahaja aktiviti. Pada masa yang sama, kita hendaklah sentiasa melakukan kawalan sendiri dengan sebaik-baiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit. Teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segala wabak dan musibah daripada kita dan dikurniakan keselamatan dan kesejahteraan buat diri, keluarga, masyarakat, negeri dan negara.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
 عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
 مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
 وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
 مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
 الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang

berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan Allah *subhanahu wata'ala*.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ.
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.